



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	30/11/2019	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	KATS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

RM21 juta atasi masalah air di Raub

RAUB - Lebih 27,000 pemegang akaun di daerah ini boleh menarik nafas lega selepas kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM21 juta bagi mengatasi masalah bekalan air.

Berita gembira itu diumumkan Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji berikutan krisis yang meresahkan penduduk di Raub sejak lebih lima tahun lalu.

Menurutnya, kementerian meluluskan dua projek iaitu projek kerja-kerja segera bagi mengatasi masalah kekeruhan tinggi dan cadangan penambahbaikan bekalan air di daerah tersebut.

"Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM3 juta bagi tahun 2020 untuk cadangan

penambahbaikan bekalan air di daerah ini bagi penyediaan pam dan tangki statik untuk penduduk di kawasan tinggi yang berdepan masalah tekanan air rendah.

"Sebanyak lapan kawasan telah dikenalpasti antaranya di Taman Bukit Koman, Taman Lee Man, Raub Utama, Kampung Ulu Atok, Taman Sungai Chalit dan Taman Kurnia Jaya. Kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan secara pakej bermula Januari 2020," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Raub selepas mempengerusikan me-



TENGGU ZULPURI SHAH

syuarat khas sempena isu perkhidmatan bekalan air daerah terbabit bersama jabatan dan agensi terlibat semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tras, Chow Yu Hui.

Tengku Zulpuri Shah berkata, sebanyak RM18 juta pula telah diluluskan secara pinjaman bagi mengatasi masalah kekeruhan air mentah melibatkan pelaksanaan tiga loji rawatan air (LRA) di Sungai Bilut, Sungai Semantan dan Sungai Klau yang dijangka dapat dimulakan pada Ogos 2020 dan dapat disiapkan pada Julai 2021.